

## **PSP MENYUMBANG KIT JENAZAH KEPADA KOMUNITI**

**5.1.2016 Selasa** : Para pensyarah dan pelajar PSP sebagai peneraju negara pada masa akan datang memainkan peranan penting untuk memastikan kejayaan transformasi negara dan seterusnya memastikan kemakmuran dan kejayaan negara. Justeru itu, peranan mereka untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih baik dalam pelbagai aspek perlu diambil kira terutamanya dalam aspek kesukarelawan bagi memberi ruang kepada mereka ini menjalankan aktiviti *Transfer Knowledge* yang dapat memberi manfaat kepada komuniti di setiap Parlimen di Negeri Pulau Pinang.

Salah satu projek yang diusahakan oleh pensyarah dan pelajar PSP ialah mencipta Kit Jenazah yang mengandungi bahan dan peralatan kafan. Penyediaan Kit Jenazah ini cukup untuk urusan mengkafarkan satu jenazah dan di antara bahan-bahan yang terdapat dalam kit ini ialah kain kafan, kapas, buku panduan dan cakera padat, sabun, sintok, air mawar, celak dan minyak wangi.

PSP telah menyediakan 13 buah Kit Jenazah untuk diagihkan kepada 13 kawasan parlimen di seluruh negeri Pulau Pinang. Majlis Penyerahan Kit Jenazah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Mejar (K) Zulkifli Bin Ariffin kepada YBhg. Datuk Mohd. Noor Bin Ahmad, Pengurus Biro Agama Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang pada 5 Januari 2016 jam 3.30 petang bertempat di Pejabat UMNO Bahagian Batu Kawan. Turut hadir ialah semua Pengurus Biro Agama UMNO Bahagian dari seluruh negeri Pulau Pinang dan pensyarah serta kakitangan PSP sendiri.

Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin selaku Pengarah PSP berkata, sumbangan Kit Jenazah ini adalah hasil ciptaan pensyarah dan pelajar PSP di dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di antara Politeknik SeMalaysia. " Saya melihat Kit Jenazah boleh digunakan oleh masjid atau surau terutama sekali semasa waktu kecemasan apabila berlaku kematian," katanya ketika berucap di Majlis Penyerahan Kit Jenazah tersebut.

Datuk Mohd. Noor Bin Ahmad selaku Pengurus Biro Agama UMNO Negeri Pulau Pinang berkata, semangat kesukarelawan yang dipupuk di kalangan para pensyarah dan pelajar PSP ini amat dihargai kerana menyumbang bakti kepada komuniti tanpa mengharapkan balasan. Katanya lagi, program ini menyokong usaha kerajaan dalam mencapai transformasi sosial negara.



Penyerahan Kit Jenazah oleh Pengarah Politeknik Seberang Perai (PSP), YBhg. Mejar (K) Zulkifli Bin Ariffin kepada YBhg. Datuk Mohd. Noor Bin Ahmad, Pengerusi Biro Agama Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang.



Pengarah Politeknik Seberang Perai (PSP) YBhg. Mejar (K) Zulkifli Bin Ariffin bergambar bersama-sama dengan semua Pengerusi Biro Agama UMNO Bahagian dari seluruh negeri Pulau Pinang



Kit Jenazah yang diserahkan kepada kawasan-kawasan parlimen di seluruh Pulau Pinang